



POLITIK UTAMA & SENSASI




By Mohd Arshad 29/06/2022 0 85

Objektif penuhanan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) adalah untuk melaksanakan sistem percuaian yang berkesan, adil dan saksama.

Ikuti Mynewshub: Telegram

Perkara itu terkandung sebagai dokumen rasmi agensi kutipan hasil negara tersebut sejak ia yang dahulu dikenali sebagai Jabatan Hasil Dalam Negeri Malaysia diperbadankan bermula 1 Mac 1996.



Misi LHDNM memaksimumkan pematuhan sukarela, memberikan perkhidmatan terbaik, mengoptimalkan operasi organisasi dan mengekalkan tahap kompetensi tertinggi berteraskan integriti.

LHDNM melaksanakan kegiatan pungutan cukai termasuk dalam aspek penguatkuasaan demi kepentingan negara dan masyarakat tanpa rasa "takut atau pilih kasih".

Berdasarkan keyakinan itu maka kita sepatutnya ada pihak seolah-olah mahu menjadikan LHDNM sebagai 'kambing hitam' dalam agenda politik mereka.

Tentu ramai masih ingat pada Mac tahun lalu sebuah gabungan parti politik mendakwa kononnya LHDNM memberi tekanan kepada

ahli-ahli Parlimen, pegawai dan ahli keluarga mereka.

Ia berikutnya beberapa tindakan penguatkuasaan yang dilakukan oleh LHDNM terhadap sebilangan ahli politik daripada gabungan parti politik tersebut.

Ironinya, gabungan politik itu tidak pula berkata demikian apabila LHDNM mengambil tindakan perundangan terhadap seterus politik mereka.

Tuduhan itu namun segera dibalas oleh LHDNM bahawa agensi berkenaan tidak menyimpan maklumat kaum, agama apatah lagi kecenderungan politik individu di dalam pangkalan datanya.

LHDNM seterusnya menjelaskan maklumat sebegitu tidak membantu penilaian risiko sesuatu kes. LHDNM itu ternyata suatu tamparan yang amat baik terhadap pihak yang menuju.

"Sebagai makluman, sistem pemilihan kes untuk tindakan penguatkuasaan LHDN berdasarkan kriteria dari sudut kegagalan mematuhi perundangan percukaian semata-mata," tegas LHDNM lagi.

Justeru, kita berharap parti politik usahlah menjadikan LHDNM sebagai 'kambing hitam' hanya kerana sesuatu tindakan LHDNM mengundang tempias terhadap mereka.

Biarlah LHDNM melaksanakan tugasnya secara bebas tanpa perlu diletakkan dibawah tekanan politik kerana LHDNM merupakan sebuah badan yang amat penting kepada tanah air.

Sebarang usaha memperlihatkan LHDNM sebagai sebuah agensi yang bias adalah suatu langkah merbahaya kerana kredibiliti LHDNM perlu sentiasa pada tahap tertinggi di mata rakyat.

6/30/22, 12:52 PM

Usah Jadikan LHDNM 'Kambing Hitam' Agenda Politik « MYNEWSHUB

-Mynewshub

